

Jabatan Perkhidmatan  
Awam,  
Malaysia,  
Rumah Persekutuan,  
Kuala Lumpur.

29hb September, 1971.

Tuan,

### **SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 13 TAHUN 1971**

#### **Sewa bilek di-asrama atau mes.**

Saya di-arah menarek perhatian kepada [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 12 tahun 1971](#) yang menetapkan bahawa sabuah bilek di-asrama atau mes ada-lah di-kira sebagai satu unit tempat kediaman dan pekerja2 yang tinggal di-unit2 tersebut, umpama-nya Jururawat2 dan Inspektor2 Polis, hendak-lah di-kenakan kadar bayaran yang sama saperti pekerja2 lain yang mendudoki rumah Kerajaan ia-ittu 10% daripada gaji berseh mereka atau 10 kali ganda sewa namaan dengan syarat sewa yang rendah sekali ia-lah \$10.00 sa-bulan. Bagi pekerja yang berkongsi mendudoki sa-suatu unit itu, kadar bayaran sewa-nya hendak-lah di-kongsikan juga dengan chara membahagi sewa itu dengan bilangan penghuni2 sa-suatu bilik itu. Keputusan ini sedang di-kaji semula dan sehingga kadar yang berpatutan dapat di-tetapkan, peratoran2 yang di-sebutkan dalam [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.](#)

12 Tahun 1971 itu ada-lah di-gantong (suspended) buat sementara waktu bagi pekerja2 yang tinggal di-asrama2 dan mes2 sahaja.

Saya yang menurut perintah.

(AHMAD SALLEHUDIN BIN AHMAD  
JALALUDIN)

Bahagian Gaji,

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan

Awam,

Malaysia.

Ketua Setiausaha2/Setiausaha2 Kementerian.

Ketua2 Jabatan Persekutuan.

s.k. Yang Berhormat, Setiausaha2 Kerajaan Negeri, Malaysia Barat.